

SPPS adakan Bengkel Motivasi Berorientasikan ICT

UB 15/10/2012 AA

Oleh I.SAB KHAN MUKARAB SHAH
i.sabkhanUB@gmail.com

KOTA KINABALU: Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama Jabatan Penjara Malaysia mengadakan Program Bengkel Motivasi Berorientasikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di Sekolah Integriti Kota Kinabalu (SIKK), Penjara Pusat di sini.

Penyelaras Program, Emila Rohaza Abdul Aziz berkata, program yang dianjurkan oleh pelajar Sarjana Pengurusan Pendidikan Semester 3 - 2011/2012 (Kumpulan 1) yang juga peserta program berkenaan, berlangsung selama dua hari bermula 13 hingga 14 Oktober.

“Program ini bermatlamat untuk memberi sumbangan khidmat masyarakat kepada warga penjara khususnya para pelajar sekolah ini.

“Selain itu, program ini



PARA pelajar yang khusyuk dalam pembelajaran.



EMILA

juga memberi pendedahan kepada para peserta tentang bagaimana situasi pembelajaran dan kehidupan persekolahan di sebalik tembok,” katanya kepada media ketika ditemui di sini, kelmarin.

Emila berkata, objektif program berkenaan adalah bagi meningkatkan motivasi, potensi diri dan kesedaran di kalangan pelajar SIKK.

“Program ini turut

bertujuan untuk memberikan pendedahan ICT terkini kepada para pelajar agar boleh mereka manfaatkan di luar kelok,” katanya.

Beliau berkata, seramai 16 orang pelajar SIKK yang terbahagi kepada tiga kelas mengikuti program yang julung kalinya diadakan di tempat berkenaan.

“Seramai empat orang pelajar daripada kelas 3M (membaca, menulis dan mengira), lapan orang daripada kelas bahagian Pembinaan dan Refleksologi, manakala lima orang lagi calon Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) yang juga daripada kelas yang berlainan,” katanya.

Menurutnya, program itu mampu memberi impak yang positif di dalam membangkitkan potensi diri para pelajar agar mereka boleh berdiri di atas kaki sendiri dengan yakin kelak.

“Diharapkan selepas ini, pandangan para masyarakat di luar sana akan berubah dan sedar akan kewujudan sekolah di dalam penjara sekaligus mengubah perspektif mereka terhadap para bekas banduan.

“Ini kerana, para pelajar ini masih punya harapan untuk berubah dan kembali ke pangkal jalan,” katanya.

SIKK juga turut mengalu-alukan mana-mana pihak yang sudi memberikan apa juga sumbangan tidak kira ianya berupa kepakaran mahupun perkhidmatan yang boleh membantu pelajar.



PARA peserta program berkenaan.